

# Chia tidak gentar

Oleh NORZAHIZAN ISMAIL

## PARLIMEN BUKIT BENDERA

**JUMLAH PENGUNDI: 70,818 orang**

Melayu : 10,822 orang (15.2 peratus)

Cina : 51,967 orang (73.4 peratus)

India : 6,614 orang (9.3 peratus)

Lain-lain : 1,415 orang (2.0 peratus)

**Calon Yang Bertanding:**

**Chia Kwang Chye (BN)**

**Lim Kit Siang (DAP)**

BUKIT Bendera suatu masa dahulu adalah kubu kuat DAP. Dalam sejarah pilihan raya hanya dua kali Barisan Nasional (BN) menang, dan selainnya tewas ditangan DAP.

Pada pilihan raya lalu, Chia Kwang Chye yang tidak asing di kawasan Bukit Bendera kerana sering membantu Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon secara sukarela diberi kepercayaan oleh BN untuk menembusi kubu DAP.

Chia akhirnya berjaya menewaskan calon DAP, Gooi Hock Seng dengan majoriti 2,918 undi.

Dalam pilihan raya kali ini Chia dicabar oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang.

Kit Siang cuba mengganggu kedudukan Chia yang baru tiga bulan menjadi Setiausaha Agung Gerakan.

Namun, walaupun baru sepenggal berkhidmat sebagai wakil rakyat, Chia mampu menambat hati penduduk kawasan tersebut dan tidak gentar

# FOKUS KAWASAN



menghadapi Kit Siang yang meninggalkan kawasan Tanjung untuk bertarung dengannya.

Kata Dr. Koh, Chia telah banyak menabur bakti kepada setiap lapisan masyarakat sehingga beliau diakui sebagai pemimpin yang berpotensi oleh Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik.

Kit Siang menegaskan kemasukannya beliau ke Bukit Bendera bukannya kerana berhasrat menentang Chia tetapi mahu menentang kepimpinan Dr. Mahathir.

Chia membidas teori itu dengan mengatakan jika benar Kit Siang mahu menentang Dr. Mahathir kenapa tidak pergi sahaja ke Kubang Pasu.

"Dia ini sebenarnya seorang oportunis politik," katanya lagi.

Dalam ceramah politiknya pula, Chia mencabar Kit Siang untuk mengadakan debat terbuka dengan menjadikan rekodnya selaku wakil rakyat sebagai isu.

"Saya cabar Kit Siang buka rekod perkhidmatan

## hadapi Kit Siang

28 NOV 1999

saya, apakah saya tidak lawat kawasan, apakah saya tidak menghadiri program rakyat ataupun sidang Parlimen," katanya.

Para pengundi tetap sedar pada 29 November ini mereka perlu 'pangkah' Chia sebagai ahli Parlimen Bukit Bendera dan bukannya Kit Siang yang hanya tahu bercakap dan pandai buat bising di Parlimen.

Dr. Koh dalam ceramahnya baru-baru ini menyebut, sejak Kit Siang meninggalkan Kota Melaka dan ber-

tapak di Pulau Pinang 13 tahun lalu, mungkin hanya 13 kali sahaja dia 'tunjuk muka' di kawasan yang diwakilinya.

"Apakah orang sebegitu yang mahu kita pilih sebagai ahli Parlimen kita dan tidak orang seperti Chia yang telah banyak berkhidmat untuk masyarakat. Chia adalah Lee Lam Thye Pulau Pinang," tegas Dr. Koh.

Chia, 47, ahli politik berjiwa rakyat memiliki

ijazah dalam Kajian Perumahan, Pembangunan dan Perancangan Bandar dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan bekas pensyarah sambilan USM.

Chia yang mempunyai dua orang anak kecil turut memegang ijazah sarjana dari Institut Teknologi Asia di Bangkok, Thailand dalam bidang yang sama dan mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi maklumat (IT).

Chia memilih untuk meluangkan banyak masa untuk kerja-kerja sukarela daripada memberi tumpuan kepada perniagaannya. Ia menjadikan wajahnya tidak asing lagi bagi penduduk Tanjung Bungah khususnya dan kawasan Bukit Bendera amnya.

Chia percaya menjelang alaf baru ahli politik dan pengundi harus mengubah paradigma.

"Marilah kita tukar budaya politik kita dan menukar pemikiran pengundi.

"Sebagai ahli Parlimen, selain membawa masalah rakyat ke Parlimen dan membahasnya, kita perlu banyak bersama rakyat. Berinteraksi dengan rakyat dan memahami aspirasi mereka adalah sesuatu yang akan saya utamakan," tegas beliau.

Apakah hasrat dan aspirasi Chia untuk menjadikan kawasan Bukit Bendera sebagai satu kawasan contoh akan tercapai. Ia banyak bergantung kepada pengundi kaum Cina yang meliputi 73.4 peratus daripada jumlah pengundi kawasan itu.

Mereka tidak harus lagi mendongak ke langit untuk mencari Kit Siang tetapi perlu melihat pelbagai kemajuan yang telah ditaburkan oleh Chia.